



**TITAH DIRAJA**

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG**

**SEMPENA**

**MAJLIS SANTAPAN MALAM BERSAMA RAKYAT MALAYSIA**

**PADA**

**10 DISEMBER 2019 [ SELASA ]  
BERSAMAAN  
13 RABIUL'AKHIR 1441 HIJRAH**

**BERTEMPAT DI**

**UNITED KINGDOM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام  
على أشرف الأنبياء والمرسلين  
وعلى آله وصحبه أجمعين  
رب اشرح لي صدري ويسر لي أمري  
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

TUAN YANG TERUTAMA DATUK MOHAMAD SADIK KETHERGANY;  
PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA KE UNITED KINGDOM,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN WARGA MALAYSIA DI UNITED KINGDOM.

SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA KERANA DENGAN INAYAH DAN KE IZINAN-NYA DAPAT SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG BERANGKAT KE MAJLIS SANTAPAN MALAM BERSAMA RAKYAT MALAYSIA DI UNITED KINGDOM.

HUBUNGAN DUA-HALA ANTARA MALAYSIA DAN UNITED KINGDOM SUDAH LAMA TERJALIN. SAYA AMAT BERSYUKUR KERANA HUBUNGAN INI KEKAL AKRAB DAN SEMAKIN BERKEMBANG MELIPUTI PELBAGAI BIDANG TERMASUK PERDAGANGAN, PELABURAN, PENDIDIKAN, PERTAHANAN, PELANCONGAN DAN LAIN-LAIN.

DARI ASPEK HUBUNGAN EKONOMI PULA MALAYSIA ADALAH RAKAN DAGANG KEDUA TERBESAR UNITED KINGDOM DI KALANGAN NEGARA ASEAN MANAKALA UNITED KINGDOM PULA MERUPAKAN RAKAN DAGANG MALAYSIA YANG KE EMPAT TERBESAR DI KALANGAN NEGARA EROPAH.

HUBUNGAN RAPAT INI TURUT DI PENGARUHI OLEH FAKTOR PERTALIAN SEJARAH YANG MANA MALAYSIA DAN UNITED KINGDOM ADALAH NEGARA ANGGOTA PERTUBUHAN KOMANWEL. SELAIN ITU, WUJUD JUGA PERSAMAAN DALAM SISTEM PENTADBIRAN KEDUA-DUA NEGARA YANG BERTUNJANGKAN KEPADA SISTEM RAJA BER-PELEMBAGAAN.

TALI PERSAHABATAN DUA-HALA INI JUGA DISUBURKAN LAGI OLEH ALIRAN KELUAR MASUK RAKYAT MALAYSIA DAN UNITED KINGDOM BAIK DARI SEKTOR PENDIDIKAN MAHUPUN PELANCONGAN YANG JELAS MENUNJUKKAN KEINTIMAN DAN PERSAHABATAN AKRAB DI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

SAYA BERHARAP LAWATAN INI DAPAT MENYUMBANG KE ARAH PENGUKUHAN PERPADUAN, KESEPAKATAN DAN KEHARMONIAN RAKYAT MALAYSIA DI LUAR NEGARA SELAIN MENYUMBANG KEPADA HUBUNGAN DUA HALA SEDIA ADA YANG TELAH SEKIAN LAMA TERJALIN.

SAYA DI FAHAMKAN KIRA-KIRA 75,000 RAKYAT MALAYSIA MENETAP DAN Mencari REZEKI DI NEGARA INI TERMASUK 19,000 PARA PELAJAR YANG SEDANG MELANJUTKAN PENGAJIAN DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN.

SAYA BERHARAP RAKYAT MALAYSIA DI UNITED KINGDOM AKAN TERUS MENJAGA DAN MENGHARUM-KAN NAMA BAIK NEGARA DENGAN BEKERJA BERSUNGGUH-SUNGGUH DENGAN PENUH IKHLAS SERTA MEMATUHI KEPADA UNDANG-UNDANG TEMPATAN.

KEPADA PARA PELAJAR SAYA JUGA BERHARAP AGAR MEREKA DAPAT MENUMPUKAN PERHATIAN SEPENUH-NYA KEPADA PELAJARAN DAN MENJADI INSAN YANG CEMERLANG. SAYA AMAT MENG-HARAPKAN AGAR ILMU DAN PENGALAMAN YANG DI PEROLEHI DI UNITED KINGDOM INI DAPAT DI GUNAKAN SEBAIKNYA DALAM USAHA MEMBENTUK SEBUAH NEGARA MALAYSIA YANG LEBIH MAJU, AMAN DAN SEJAHTERA DI MASA HADAPAN.

RAKYAT MALAYSIA YANG MENETAP DI NEGARA INI HENDAKLAH SEBILANG MASA PANDAI MEMBAWA DIRI DAN MENJAGA NAMA BAIK BANGSA DAN NEGARA. ORANG MELAYU DAHULU KALA ADA BERPESAN DALAM SERANGKAP PANTUN YANG BERBUNYI :

“BANYAK ORANG PERGI MENJALA,  
MENCARI IKAN DI DALAM PARIT,  
JAGALAH DIRI JANGAN TERCELA,  
ROSAK NAMA BANGSA TERPALIT”.

NATIJAHNYA, DI TANGAN SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN SENTIASA BERKIBAR PANJI-PANJI KEMEGAHAN DAN KEDAULATAN NEGARA. JAGALAH PERLAKUAN DAN TINGKAH LAKU PADA SEBILANG MASA AGAR TIDAK TERPALIT ONAR KEPADA NAMA BAIK NEGARA.

MENGAKHIRI TITAH, SAYA MENDOAKAN AGAR RAKYAT MALAYSIA YANG MENETAP DI NEGARA INI SENTIASA DILINDUNGI, DIBERKATI DAN DIRAHMATI ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA.

SAMA-SAMALAH KITA BERDOA AGAR NEGARA MALAYSIA YANG KITA CINTAI, AKAN BERTAMBAH MAKMUR DAN TERUS MENINGKAT MAJU SERTA SENTIASA DALAM PERLINDUNGAN ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA DAN DIJAUHKAN DARI SEBARANG MUSIBAH DAN MALA PETAKA.

**وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**